

# Fatimah al-Zahra'

## Suatu Gambaran dari Riwayat Hidupnya

(8)

“Sujudlah Rasulullah *ṣallā Allāh alayhi wa ālihi wa sallam*, kerana bersyukur ke hadrat Allah ‘Azza wa Jalla.

Gunung-ganang negeri Makkah hampir-hampir hancur lebur, kerana takut dan gerun mendengar suara sepuluh ribu tentera Islam melaungkan kalimah takbir: *Allāhu Akbar! Allāhu Akbar! Allāhu Akbar! . . . . .*”

(Dimelayukan oleh: Abdullah Basmeih)

Siti Fāṭimah al-Zahrā', *raḍiya Allāhu ‘anha*, telah dilanjutkan Allah umurnya sehingga ia sempat melihat ayahandanya, pahlawan Islam yang kebilangannya itu, memancarkan cahaya Islam yang dibawanya ke seluruh semenanjung Arab, dan sangat kemenangan yang telah dijanjikan Allah kepadanya beserta dengan umat Islam sudah pun hampir tiba kedatangannya. Pada suatu malam, Siti Fāṭimah sedang bersiap-siap hendak belayar ke tanah airnya – Tanah Suci Makkah al-Mukarramah. Kenangan kepada tanah airnya yang telah bercerai dengannya selama delapan tahun, dan yang sekarang ia berpaling pergi ziarah ke kampung halamannya, menyebabkan Siti Fāṭimah tidak mengantuk pada malam itu lalu duduk berbual-bual dengan suaminya – *karrama Allāhu wajhah*. Dalam perbualan itu, mereka telah menyebut akan peristiwa-peristiwa yang berbahagia yang telah mereka alami pada masa yang telah lalu:

Adakah Makkah masih tidak berubah seperti yang telah ditinggalkan oleh mereka, atau telah berubah oleh peredaran zaman, dan telah hilang lenyap: tempat-tempat mereka bermain dan

bersuka, pada masa kecil dahulu?

Rumahtangga keluarga yang bersejarah, tempat kelahiran ((Fāṭimah)), adakah masih tegak seperti keadaannya yang asal, atau telah dilanggar oleh musuh dan dihancurkan leburkan oleh mereka?

Di Ka'abah yang mulia, masihkah ada burung merpati putih yang cantik itu, berterbangan dalam kawasannya, dan hidup lepas bebas? Atau sedang diam diceruk dengan sedih dan ketakutan kerana angkara kaum penyembah berhala itu?

Tempat-tempat bermain semasa kecil dahulu, adakah masih ingat kepada kekasih-kekasih yang telah meninggalkannya, atau telah melupai mereka kerana masa yang lanjutan itu?

Kubur Siti Khādijah, dan kubur Abu Talib serta lain-lain kaum kerabat, adakah masih memelihara amanah-amanah yang terkandung didalamnya, atau telah dibongkar oleh kaum kafir yang kejam itu, lalu menabur-naburkan tulang-tulang kaum kerabat yang mulia itu?

Dalam masa mereka, Siti Fāṭimah dan Saiyidina ‘Alī,

sedang khayal berbual-bual tiba-tiba pintu mereka diketuk orang, Saiyidina ‘Alī pun bangun hendak melihat siapa orang yang mengetuk pintu yang datang pada malam buta itu. Siti Fāṭimah pula membuka matanya yang sedang khayal dalam kenangan-kenangannya. Tiba-tiba mereka dapati orang itu ialah Abū Sufyān bin Harb, ketua kaum musyrikin.

Abū Sufyān pun menyatakan bahawa kedatangannya ke Madinah, kerana kaum Quraysh telah mendengar bahawa ((Muḥammad)) sedang bersiap sedia hendak mara ke Makkah. Ia telah melihat kekuatan Islam dan persediaan tentera yang besar yang hendak mara ke Tanah Suci itu. Setibanya di Madinah, Abū Sufyān pun pergi ke rumah anak perempuannya “Siti Ramlah, (Um Ḥabībah) isteri Nabī” dan menakal ia cuba duduk di atas tikar tempat duduk Nabī, maka Umm Ḥabībah bersegera menggulungnya kerana tidak mau ayahnya yang musyrik itu duduk di atasnya. Abū Sufyān pun keluar dari situ dengan sedih rupanya lalu pergi mendapatkan Rasulullah dan menyatakan maksud kedatangannya, tetapi Baginda tidak menjawab dan melayannya. Abū Sufyān pun pergi mendapatkan Saiyidina Abū Bakar, kemudian mendapatkan Saiyidina ‘Umar, meminta supaya menjadi orang tengah menyampaikan tawaran kaum Quraysh kepada Nabī. Saiyidina ‘Umar telah menolak permintaannya dengan berkata: Adakah aku dipinta menjadi orang tengah untuk kamu kepada Rasulullah *ṣallā Allāh alayhi wa ālihi wa sallam*? Demi Allah, kalaulah aku tidak mendapati senjata melainkan cemeti, nescaya aku akan perangi kamu dengannya.”

Setelah menceritakan kisah perjumpaannya dengan Nabī dan sahabat-sahabat yang lain, Abū Sufyān pun terdiam sejurus kerana menghilangkan lelahnya, lalu berkata kepada Saiyidina ‘Alī: Sehampir-hampirnya denganku, aku ini datang kerana hendak menunaikan hajatku, janganlah hendaknya aku dibiarkan

balik dengan berhampa hati, cuba tolong sampaikan hajatku ini kepada Rasulullah.”

“Mengapa pula begitu wahai Abū Sufyān!” jawab Saiyidina ‘Alī, “Demi Allah, Rasulullah *ṣallā Allāh alayhi wa sallam* telah berazam hendak melakukan suatu perkara yang kami tidak sanggup hendak bercakap kepada Baginda tentang perkara itu.”

Mendengarkan itu, Abū Sufyān pun berpaling kepada Siti Fāṭimah, yang hingga sangat itu masih mendingkan diri, lalu berkata kepadanya sambil menunjuk kepada anaknya “al-Ḥasan” yang baharu terjaga dari tidurnya, dan bangun berjalan-jalan dihadapan ibunya:

“Wahai anak perempuan Muḥammad, bolehkah engkau menyuruh anak kecilmu ini supaya menyatakan kepada ramai bahawa ia telah memberi perlindungan kepada aku, dan dengan itu ia akan menjadi penghulu bangsa arab selama-lamanya?”

Dengan tenang Siti Fāṭimah menjawab:

“Anakku belum lagi sampai tempohnya untuk memberi perlindungan selain daripada Rasulullah *ṣallā Allāh alayhi wa sallam*.”

Dengan perasaan hampa, Abū Sufyān pun bangun lalu bersiap hendak berundur diri situ, kemudian dia berhenti sebentar di muka pintu lalu berkata dengan hibanya:

“Wahai Abū al-Ḥasan (yakni Saiyidina ‘Alī), nampaknya segala-galanya bertambah kusut, cubalah beri nasihat apa patut aku buat?”

“Sebenarnya aku tidak tahu suatu perkara pun yang boleh mendatangkan faedah kepadamu”, jawab Saiyidina ‘Alī, “tetapi walau bagaimanapun engkau ialah ketua kaum Kinanah, pergilah minta perlindungan di hadapan orang ramai, dan kemudian kembalilah ke negeri engkau.”

“Adakah perkara ini boleh mendatangkan faedah kepada aku?” Tanya Abū Sufyān.

Terdiam Saiyidina ‘Alī berfikir sejezus, lalu menjawab:

“Tidak, aku tidak fikir begitu, tetapi aku tidak dapat menunjukkan kepadamu suatu perkara selain daripada itu.”

Abū Sufyān pun berundur dari situ dengan azam hendak melakukan apa yang telah disyorkan oleh Saiyidina ‘Alī. Sepeninggalannya, Saiyidina ‘Alī suami isteri pun menutup pintu lalu duduk bercakap tentang perkara-perkara yang menakjubkan, yang berlaku menurut takdir Allah ‘*Azza wa Jalla*. Duduklah mereka berbual sehinggalah hari jauh malam, lalu mereka tidur dengan cita-cita hendak kembali ke tanah suci: tempat letaknya Baitullah, tanah tumpah darah, dan negeri kaum Quraysh turun temurun.

\* \* \*

Berangkatlah Rasulullah *ṣallā Allāh alayhi wa ālihi wa sallam*, memimpin sepuluh ribu tentera Islam, lalu menuju ke tanah suci Makkah, tanah air Baginda yang telah diringgalkan dengan secara bersembunyi pada delapan tahun yang lalu, dan dengan tidak ditemani oleh siapa-siapa selain daripada sahabatnya Abū Bakar al-Ṣiddīq.

Serentak dengan itu berangkatlah pula Siti Fāṭimah bersama-sama dengan keluarga Nabī yang lain ke Makkah, kerana hendak menyaksikan angkatan ayahandanya kembali dengan kemenangan yang cemerlang ke tanah air yang dicintai.

Ia juga tidak lupa menoleh – setibanya di luar bandar Makkah – akan tempat jatuhnya ketika dia keluar berhijrah ke Madinah bersama-sama dengan Um Kalthūm, tatkala unta kenderaannya diganggu oleh kaum musyrikin.

Kenangannya berbangkit kembali kepada kekanda-kekandanya yang dikasihi, yang telah wafat itu. Mana dia Umm Kalthūm, Ruqayyah dan Zaynab? Kesemuanya dahulu telah berhijrah dari Makkah, tetapi mereka tidak akan kembali-kembali lagi.

Sekarang dia, kembali seorang diri, sedang kekanda-kekandanya yang bertiga, telah dikebumikan di Madinah.

Dalam pada itu, bayang-bayang mereka masih hidup dalam kenangannya, ketika dia berhampiran dengan Tanah Suci, dan tidak berapa antaranya angkatan tentera Islam yang dipimpin oleh ayahandanya telah berhenti rehat di luar bandar Makkah untuk menghadapi perjuangan yang akhir – yang akan menentukan kedudukan umat Islam dengan kaum musyrikin.

Pada malam itu datanglah Abū Sufyān bin Harb, ketua kaum musyrikin, lalu duduk sepanjang-panjang malam itu di muka pintu khemah Nabī, kerana menunggu perintahnya mengenai nasib kaum musyrikin di Makkah (yang telah lumpuh dan tidak terdaya hendak menentang tentera Islam yang kuat gagah berkat iman mereka yang mendalam). Setelah terbit fajar, maka Abū Sufyān pun masuk mendapatkan Rasulullah, lalu memeluk Islam, kemudian kembalilah ia ke Makkah lalu menyeru kaumnya dengan berkata:

“Wahai kaum Quraysh, Muḥammad telah datang dengan tentera yang besar yang kamu tidak akan dapat menentangnya. Oleh itu, barang siapa masuk ke rumah Abū Sufyān maka orang itu akan beroleh aman dan selamatlah ia, dan barang siapa mengunci pintu rumahnya (dan tinggal diam di dalamnya) maka dia akan beroleh aman dan selamatlah ia, dan barang siapa masuk ke masjid, maka dia akan beroleh aman dan selamatlah ia.”

Kaum musyrikin pun berpecah, ada yang kembali ke rumah masing-masing dan banyak pula yang pergi ke Masjid al-Ḥarām. Pada sangat kemenangan yang cemerlang itu Rasulullah *ṣallā Allāh*

*alayhi wa ālihi wa sallam* masuk ke Tanah Suci bersama sahabat-sahabat dan angkatan tentera Islam sambil baginda tunduk kerana tawaduk dan merendah diri kepada Allah ‘*Azza wa Jalla* atas kemenangan yang besar itu.

Sebelum itu Baginda telah membahagiakan tentera Islam kepada beberapa pasukan, tiap-tiap pasukan dipimpin oleh seorang sahabat Nabī yang terkemuka. Oleh kerana panji-panji Islam dari mulanya dibawa oleh Sa‘ad bin ‘Ubādah (salah seorang pemimpin kaum Anṣār), maka baginda pun memerintahkan Saiyidina ‘Alī, ujanrya:

“Pergilah dapatkan Sa‘ad dan ambillah panji-panji itu daripadanya. Engkaulah orangnya yang membawa panji-panji itu ketiga (angkatan tentera Islam) masuk ke negeri Makkah.”

Masuklah angkatan Rasulullah dari arah suatu tempat yang bernama ((*Adhākhīr*)) lalu berhenti di sebelah hulu negeri Makkah. Khemah Baginda pun didirikan orang berhampiran dengan kubur Siti Khadījah (di kampung *al-Ma‘lāh*)

Bersama-sama dengan Baginda, kedapatan Siti Fāṭimah al-Zahrā’. Kegembiraan Siti Fāṭimah menyebabkan dia lupa akan kenangan-kenangan yang sedih ketika dia melalui tempat untanya ditikam oleh kaum musyrikin, sehingga dia jatuh terbanting di atas pasir. Penjahat yang menikam untanya itu ialah al-Ḥuwairith.

Tetapi Rasulullah tidak lupa!

Baginda pun memerintahkan ketua-ketua pasukan tentera Islam supaya mereka jangan menyerang melainkan orang-orang yang bangun melawan, dan Baginda telah mengecualikan beberapa orang musuh islam dari kaum musyrikin yang telah disebut nama mereka satu persatu, lalu diperintahkan supaya mereka dibunuh, sekalipun mereka didapati berlindung di dalam kelambu Ka‘abah.

Di antara musuh-musuh Islam yang tersebut ialah al-Ḥuwairith.

Ia telah dibunuh oleh Saiyidina ‘Alī.

Sujudlah Rasulullah *ṣallā Allāh alayhi wa ālihi wa sallam*, kerana bersyukur ke hadrat Allah ‘*Azza wa Jalla*.

Gunung ganang negeri Makkah hamper-hampir hancur lebur, kerana takut dan gerun mendengar suara sepuluh ribu tentera islam melaungkan kalimah takbir:

“*Allāhu Akbar, Allāhu Akbar, Allāhu Akbar. Lā ilāh illā Allāh waḥdah, ṣadaqa wa ‘dah, wa naṣara ‘abdah, wa ‘a‘azza jundah, wa hazama al-aḥzāb waḥdah, Lā ilāh illā Allāh Allāhu Akbar . . .*”

“Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar, Allah Yang Maha Besar.

Tiada Tuhan melainkan Allah Yang Maha Esa. Telah benarlah janjinya, Ia telah memenangkan hambanya, Ia telah menguatkan tenteranya, dan Ia telah menghalangkan kumpulan-kumpulan (musuh-musuh Islam) dengan (kudrat kuasa-Nya) sendirinya. Tiada Tuhan melainkan Allah, Yang Maha Besar . . . . .”

\* \* \*

Rasulullah *ṣallā Allāh alayhi wa ālihi wa sallam* pun masuk berehat di dalam khemahnya, dan di sana Siti Fāṭimah telah menunggu kedatangannya.

Um Hānī’ binti Abū Thālib – isteri Hubayrah bin Abū Wahab al-Makhzūmī – meriwayatkan, katanya:

“Tatkala Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* berhenti rehat disebelah hulu negeri Makkah, dua orang dari suku Banī Makhzūm (suku suaminya – P.) Telah melarikan diri dan dating berlindung dirumahku. Tiba-tiba saudaraku ‘Alī bin Abī Ṭālib dating ke rumahku lalu terpandang mereka. ‘Alī pun berkata: “Demi Allah aku akan bunuh keduanya”. Mendengarkan itu aku pun kuncikan pintu rumahku (dengan membiarkan mereka berlindung di dalamnya - P.), lalu aku pergi mendapatkan Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*. Masa itu Baginda

sedang mandi dan Fāṭimah sedang melindunginya dengan sehelai kain. Baginda pun mengambil bajunya dan diselimutkan lalu sembahyang delapan rekaat. Setelah selesai Baginda pun berpaling kepada aku lalu berkata: “*Marḥabān wa ahlān* -wahai Umm Hānī’. Apa hal kedatanganmu ke mari?”

Aku pun ceritakan kisah dua orang yang sedang berlindung di rumahku itu, dan kisah ‘Alī hendak membunuh mereka. Mendengarkan itu, Nabī *ṣallā Allāh ‘alayhi wa sallam* bersabda: “Kita telah beri perlindungan kepada orang yang engkau beri perlindungan – wahai Umm Hānī’ -dan kita telah beri aman kepada orang yang engkau beri aman itu. Janganlah dia (‘Alī) membunuh keduanya.”

Baginda pun berehat sebentar, sementara penduduk Makkah bertenang semula sesudah gempar kerana melihat tentera Islam mencurahkan dari segenap penjuru. Lalu Baginda berangkat dan masuk ke Masjid al-Ḥarām di tengah-tengah kumpulan manusia yang berombak dan penuh sesak. Baginda pun tawaf tujuh kali mengelilingi Baitullah dengan berkenderakan unta. Setelah selesai tawaf lalu diperintahkan supaya pintu Ka‘abah dibuka. Baginda pun berdiri atas pintunya lalu berucap kepada orang ramai, ujarnya antara lain:

“Wahai kaum Quraysh, apa yang kamu fikir, tentang apakah yang aku akan lakukan kepada kamu?”

Lalu disahut oleh mereka beramai-ramai:

“Tuan akan melakukan perkara yang baik jua.

Tuan ialah saudara yang mulia, dan anak saudara yang mulia.”

Mendengarkan pengakuan mereka yang demikian, Baginda pun memaafkan mereka dengan berkata:

“Pergilah, kamu semua telah dibebaskan.”

Tibalah waktu malam dalam keadaannya yang nyaman dan basah, sesudah penduduk Makkah mengalami siang yang berhawa

panas, dan penuh dengan riuh rendah orang ramai bergerak ke sana ke mari. Pada malam yang bersejarah itu Tanah Suci Makkah berpeluang menyaksikan bumiputrnnya telah berhijrah dahulu, sekarang kembali beramai bersama-sama dengan rakan-rakan seperjuangan mereka – puak Anṣār dan orang-orang Islam yang lain-lain lagi. Mereka sekaliannya telah berhimpun dengan dipimpin oleh Nabī Allah - ‘*alayhi al-ṣalāh wa al-salām*. Malah malaikat-malaikat pada malam yang berbahaya itu, telah tawaf mengelilingi umat Islam dan mengucapkan selamat berjaya mencapai kemenangan yang cemerlang.-

bersambung

#### BUKU2 RUMI:

##### (a) Siri Buku2 Bacaan Sekolah Rendah:

1. Tunas Baru (ABC)	(Abdul Rahman H. Said)	1.50
2. Tunas Baru I	... ..	1.00
3. Tunas Baru II, III, dan IV	(Abdul Rahman H. Said)	1.50
4. Senang Bacha I dan II	(Hasan Basri) satu	80

##### (b) Buku2 Bacaan Tambahan yntok Sekolah Rendah:

5. Kuching Hitam (A. H. Edrus)		.30
6. Peristiwa Hari Sabtu	”	.30
7. Nabi Sulaiman dengan Semut		.30
8. Lutong Sakti I	”	.35
9. Lutong Sakti II	”	.35
10. Karun Dengan Harta-nya		.35
11. Pekebun Yang Tama’	”	.35
12. Lembu Chantek	”	.35
13. Kisah Minangkabau	”	35
14. Sutan Balun	”	.40
15. Puteri Balqis	”	45
16. Penduduk Gua	”	.50
17. Sebab Harimau	”	50
18. Cherita Burong Hantu	”	.75
19. Nakhoda Dengan Datok Perpatih.		30
20. Si-Buta	”	.30

#### QALAM

356 & 358; Geylang Road,  
Singapore 14.